

PERUTUSAN

Perdana Menteri Malaysia,
Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad

SAYA mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada penganjur dan penaja-bersama Simposium Kedua Penggembelangan Simpanan Perseorangan di Negara-Negara Membangun di atas dayausaha mereka mengadakan perjumpaan ini.

Peranan simpanan perseorangan dalam pembangunan, lebih-lebih lagi dalam konteks pembangunan Negara-negara Dunia Ketiga, adalah amat penting.

Pendekatan yang berkesan dalam penggalakan dan penggunaan simpanan perseorangan bukan sahaja dapat membantu mengurangkan kesan-kesan buruk inflasi, meluaskan sumber-sumber tabungan tempatan bagi pembiayaan program-program dan projek-projek pembangunan, tetapi juga dalam meningkatkan mutu kehidupan masyarakat amnya.

Pendekatan dan kaedah yang berkesan dalam penggembelangan simpanan perseorangan mestilah mengambil-kira suasana sosio-budaya dan ekonomi masyarakat berkenaan. Hanya apabila institusi simpanan dikendalikan selaras dengan sistem nilai sesuatu masyarakat dan persekitarannya baharulah institusi berkenaan akan benar-benar dapat diterima oleh masyarakat.

Di samping itu, institusi simpanan haruslah memberi perhatian kepada pelbagai masalah pelanggan mereka oleh sebab simpanan, terutamanya di sektor luar bandar, adalah berkait rapat dengan masalah-masalah peribadi individu golongan berpendapatan rendah.

Justeru itu, semua institusi simpanan, sama ada dalam bentuk bank simpanan, koperasi dan lain-lain memerlukan pengurusan yang efisien dan efektif yang sentiasa sedia untuk membuat segala pembaharuan bagi membolehkan mereka memberi perkhidmatan yang paling bermutu kepada pelanggan dan masyarakat dan mendapat kepercayaan mereka.

Saya yakin bahawa hasil daripada simposium ini akan memberi faedah kepada Malaysia dan negara-negara membangun yang lain dalam usaha-usaha mereka untuk menggembelng simpanan perseorangan bagi pembangunan negara.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat berjaya kepada simposium ini.



DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

KATA-KATA ALUAN

Menteri Kewangan Malaysia,
Tengku Razaleigh Hamzah

SAYA merasa sangat bangga kerana Bank Simpanan Nasional Malaysia (BSN) telah dipilih sebagai tuanrumah simposium antarabangsa ini yang pertama kali diadakan di rantau ini. Ini bukan sahaja akan meningkatkan lagi imej BSN di kalangan bank-bank simpanan antarabangsa tetapi juga merupakan suatu penghormatan kepada Malaysia.

Simposium yang dianjurkan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dan dikendalikan bersama oleh International Savings Banks Institute, Swedish International Development Authority, Swedish Savings Bank Association dan BSN adalah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan bagi menekankan betapa pentingnya diamalkan tabiat berjimat cermat di kalangan penduduk-penduduk di negara ini.

Hasrat ini telah pun dibayangkan oleh Kerajaan antara lain melalui galakan cukai dimana semua faedah yang diperolehi daripada simpanan dengan BSN tidak kira berapa jumlahnya adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Saya percaya simposium ini akan dijadikan satu forum yang khusus bagi membincangkan isu-isu, polisi-polisi dan teknik-teknik berhubung dengan galakan dan mobilisasi untuk simpanan persendirian di negara-negara sedang membangun di mana hanya amatlah sesuai dalam konteks perkembangan ekonomi baru antarabangsa.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa idea dan ramusan yang dicapai dalam simposium ini kelak akan memberi faedah kepada negara-negara yang sedang membangun dan dilaksanakan sewajarnya untuk faedah pembangunan negara masing-masing.



TENGGU RAZALEIGH HAMZAH

PERUTUSAN

Pengerusi Bank Simpanan Nasional
Malaysia, Dato' Seri Syed Nahar bin
Tun Syed Sheh Shahabuddin

MALAYSIA sangat menghargai penghormatan yang diberikan untuk menjadi tuanrumah kepada simposium kali yang kedua mengenai Penggembelangan Simpanan Perseorangan di negara-negara membangun.

Sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional Malaysia, saya sangat berbesar hati, mengingat bahawa sungguhpun baru menjadi anggota Institut Bank-bank Simpanan Antarabangsa (ISBI), kami telah diberi kesempatan untuk membantu mengatur dan mengambil bahagian dalam simposium ini.

Tajuk simposium ini, iaitu "Penggembelangan Simpanan Perseorangan di Negara-negara Membangun" sangatlah sesuai dengan hakikat pembangunan sosio-ekonomi negara ini, yang pada amnya adalah sebuah negara pertanian.

Ini juga adalah sejarah dan dengan usaha-usaha kita menekankan peri pentingnya penggembelangan simpanan dari sumber-sumber dari dalam negeri bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan negara.

Dalam pada itu, dengan keadaan inflasi di negara-negara maju dan membangun, simposium ini adalah merupakan satu peristiwa yang sangat besar ertinya. Saya percaya pertukaran maklumat dan pendapat serta pengalaman menerusi kertas-kertas kerja dan dan persidangan, akan memberi sebesar-besarnya faedah kepada para peserta, dan akhirnya memberi munafaat kepada negara-negara yang diwakili dalam simposium ini.

Setinggi-tinggi penghargaan patutlah diberikan kepada para penganjur simposium iaitu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, dengan kerjasama lain-lain institusi, iaitu ISBI, SSBA dan SIDA, kerana mengambil inisiatif mengusahakan peristiwa yang penting ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan kepada Menteri Kewangan YBM Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, kerana kesudian mereka merasmikan pembukaan dan penutupan simposium ini.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada semua para peserta dan para pemerhati, dan semua pertubuhan dan orang-orang perseorangan yang telah memberikan sumbangan kerjasama bagi menjayakan simposium ini.



DATO' SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN